



JAMALZADEH

PENGASAS CERPEN MODERN IRAN

OLEH BUKHARI LUBIS

Muhammad Jamalzadeh dilahirkan pada tahun 1895 di Isfahan, Iran. Ayahnya, Seyyed Jamaluddin, merupakan tokoh utama dalam kebangkitan kebangsaan Iran. Bapanya menentang despotisme dan sering menyampaikan ucapan yang menentang kerajaan. Bapanya dipenjarakan dan dihukum bunuh (1908). Ketika Jamalzadeh berusia 12 atau 13 tahun, dia berhijrah ke Lubnan dan belajar di Antoura Catholic School (1908) berhampiran Beirut, kemudian menyambung pengajiannya di Perancis (1910) dan Switzerland. Di negara terakhir ini, dia mula mengikuti kuliah undang-undang di Universiti Lausanne, dan akhirnya lulus LL.B daripada Universiti Dijon.

Ketika menjelang Perang Dunia Pertama, saat permulaan zaman remajanya, dia menyertai kumpulan penghijrah dan nasionalis di Berlin, pada tahun 1915. Sebelum itu, dia tinggal Baghdad terlebih dahulu. Di sini Jamalzadeh ditemani oleh rakan-rakan lain yang menganggotai Jawatankuasa Nasionalis Iran, para aktivis anti-British dan pegawai Jerman. Di bandar inilah, Jamalzadeh bersama-sama Ibrahim Purdawud dan Amirkhizi mengasaskan akhbar *Rastakhiz*. Kumpulan ini bergerak di bawah pimpinan Hassan Taqizade, seorang pejuang yang menentang pendudukan Anglo-Rusia di Iran ketika Perang Dunia Pertama.

Wahana penyalur pandangan mereka hanyalah majalah *Kave*, yang mengambailah sempena nama tokoh legenda dalam karya agung Ferdowsi, *Shah-Name* (*Buku tentang Raja*). Majalah ini diasaskan pada tahun 1916, tetapi berubah daripada majalah politik murni kepada majalah sastra yang cemerlang. Melalui majalah inilah Jamalzadeh menerbitkan cerpen pertamanya. Buat satu jangka masa, dia bekerja di Kedutaan Iran di Berlin, dan sejak tahun 1931, dia menetap di Switzerland dan berkhidmat di Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO). Sejak tahun 1956, dia mulai menjadi penulis dan pengkritik.

Sepanjang tahun tersebut, Jamalzadeh kurang berhubungan dengan Iran. Namun demikian, hal ini tidaklah menghalangnya daripada mempelajari bahasa Parsi secara bersendirian. Berdasarkan pengalamannya, Jamalzadeh mula

menulis ragam kehidupan teman-teman tanah airnya. Keprihatinannya terhadap penggunaan bahasa dan stail ala Dickens, yaitu sikap mengulang-ulang, penuh kata-kata sifat, dan pelbagai frasa popular, segera mengingatkan khalayak akan karyanya yang mempunyai latar belakang dan keikhlasannya untuk menyumbang kepada khalayak pembaca.

Cerita dalam majalah *Kave* telah menarik perhatian, namun buku pertama Jamalzadeh yang terdiri daripada enam cerpen (terbit pada tahun 1921) menandakan satu revolusi dalam sastra, dengan penuh semangat disambut oleh sesetengah pihak, namun tidak kurang juga yang mengutuk karya pertamanya. Bukunya bertajuk *Yeki Bud va Yeki Nabud* (Padanan: Pada Satu Masa Dulu-dulu), satu frasa terkenal yang lumrah memulai cerita dongeng, tetapi cerita yang dihidangkan bukanlah cerita dongeng. Cerita tersebut memberikan pandangan kritis yang nyata tentang kehidupan di Iran, bukan dengan alegori abstrak dan tradisional yang terbuka kepada pelbagai tafsiran, tetapi persembahannya menggambarkan situasi dan perwatakan kehidupan yang sebenar, disertai pula dengan poin yang jelas dan sukar dinafikan.

Melalui karya tersebut, Jamalzadeh dinobatkan sebagai perintis mutlak dalam penulisan Parsi, biar pun dari segi stail dan bahasa dia mempunyai pendahulu seperti Malkom Khan Mirza, Dehkhuda, dan penterjemah ilmiah yang lain dalam bidang prosa Eropah. Selain itu, *Yeki Bud va Yeki Nabud* merupakan satu daripada karya sastra yang masih segar, sementara perwatakannya tidak dapat dilupakan oleh pembaca sastra. Karya ini sampai di Tehran pada tahun 1922, tetapi tidak dapat diterima oleh khalayak umum Tehran. Khalayak umum, khususnya para



**GAMBARAN YANG
DILONTARKAN OLEH
JAMALZADEH, TENTANG
KEHIDUPAN, MENTALITI,
DAN BAHASA ORANG
AWAM DAN GOLONGAN
MISKIN DENGAN CARA
REALISTIK TETAPI
BERGAYA SATIRA,
TELAH MEMBUKA
JALAN KEPADA
PERKEMBANGAN PROSA
MODEN IRAN**

agamawan, membenci cara Jamalzadeh menggambarkan negara mereka sehingga banyakkah naskhah karya itu dibakar di dataran awam. Biar apa pun yang berlaku, penerbitan *Yeki Bud va Yeki Nabud* menandakan permulaan kerjaya Jamalzadeh sebagai pencerita atau penulis cerpen, dan hal ini membawa pengasasan prosa moden Parsi, serta menunjukkan arah kesusasteraan kepada generasi perang Iran yang berikutnya.

Reaksi ini mendatangkan kesan kepada Jamalzadeh sehingga 20 tahun lamanya dan dia mengelakkan diri daripada menyertai sebarang kegiatan sastra. Jangka masa ini sebenarnya bersamaan dengan zaman pemerintahan Reza Shah (Kabir, si ayah; bukan puteranya Shah Reza yang digulingkan pada tahun 1979). Selama 20 tahun itu, dia menerbitkan sedikit karya, dalam pelbagai majalah, dan sebelum menjengah tahun 1941, Jamalzadeh

mula menerbitkan semula bukunya.

Selepas tahun 1941, karyanya lebih panjang, seperti *Dar al-Majanin* (*Rumah Orang Gila*, 1942), *Qaitashan* (*Divan (Diktator Pejabat Diraja*, 1946), *Sar o Tahe Yak Karbas ya Esfahan-Name* (*Kesemua dalam Satu Polat/Teladan atau Buku tentang Isfahan*, 1956); juga beberapa kumpulan cerita dan esei, seperti *Talkh va Shirin* (*Pahit dan Manis*, 1956) dan *Kohne va Nou* (*Kuno dan Baru*, 1959). Kesemua karya ini dalam standard yang tinggi serta berkaitan dengan tema sosial. Tahun ke belakangnya pula diwarnai dengan

kecenderungan kepada spekulasi falsafah dan sufi. Hasil tulisan ini juga, tidak dapat dielakkan, melontarkan cahaya terhadap masalah dan ciri-ciri khusus dalam kehidupan Iran.

Era selepas tahun 1941, merubah Jamalzadeh menjadi sasterawan moden Iran yang paling prolific. Pada periode ini juga dia mula kehilangan keterampilan dalam menanamkan sikap keringkasan yang padat isinya (banyak maklumat dalam perkataan yang sedikit), kesenangan baharu dalam bentuk, keastlian idea, dan kejenaakan yang menengat. Sementara tautologi (pengulangan kata tanpa menambah kejelasan), satu kecenderungan menggunakan ucapan bijak pandai, spekulasi bernada sufi dan falsafah, sikap yang mengetepikan tatatertib yang menjadi tanda rasmi dalam usaha gigihnya. Hanya Jamalzadeh yang memulakan perbincangan tentang remaja Iran yang terdidik di Barat, namun apabila pulang tidak memberikan sumbangan kepada masyarakat dan negara sendiri. Hal ini sebenarnya menjadi isu utama dalam sejarah cerpen Iran pada zaman pemerintahan Shah Reza. Demikian pula kritikan Jamalzadeh terhadap istana dan golongan tokoh agama. Sesetengah karyanya tentang hal ini agak kekurangan stail Parsinya yang unik, namun masih dapat dianggap menengat dan tepat.

Jamalzadeh juga merupakan penulis kajian kritis dan bersifat polemik untuk penerbit Parsi seperti *Sukhan* dan *Rahnamaye Kitab*. Di samping bahasa Parsi, Jamalzadeh turut menguasai bahasa Perancis, Jerman, dan Arab. Beliau berjaya menterjemahkan sebilangan besar buku dan makalah ke bahasa ibundanya. Antaranya yang paling terkenal

termasuklah *Le Café de Surat* oleh Bernardin de Saint-Pierre, *L'avare* (Moliere), *En folkefende* (Henrik Ibsen), *Wilhelm Tell*, *Don Carlos*, dan *Infant von Spanien* (Friedrich Schiller, dan *The Story of Mankind* (Henrik Willem van Loon).

Fasa ketiga kegiatan kesusasteraan Jamalzadeh bertambah lembap jika dibandingkan dengan fasa kedua. Selepas Revolusi Islam pada tahun 1979, dia kembali seketika ke Iran. Ketika itu, Jamalzadeh membuat pusingan 180 darjah, dia menyokong perubahan yang digagaskan oleh Khomeini dan dalam banyak wawancara bersama-samanya, dia memuji tokoh agama itu.

Dedikasi sasterawan ini terhadap kemajuan pendidikan di Iran tidak terhenti meskipun setelah dia meninggal dunia. Sejak tahun 1977, Jamalzadeh terus menderma koleksi buku dan kertas kerja hasil tulisannya kepada perpustakaan Universiti Tehran dan arkib, di samping memberikan peratus tertentu daripada royalti buku untuk disalurkan kepada dana biasiswa, institusi pendidikan, dan pelbagai amal derma di Isfahan. Jamalzadeh meninggal dunia pada 8 November 1997 dan dikebumikan di Geneva, Switzerland.

Karya Jamalzadeh juga tidak ketinggalan diterjemahkan ke bahasa asing. Walau bagaimanapun, stail bahasa bahasan dan kekayaan frasa idiomatik dalam karya berkenaan menyebabkan tugas menterjemahkan di sini agak berat. Menurut Dr. Hasan Kamshad, mantan profesor di Universiti Tehran, barangkali inilah antara sebab percubaan memperkenalkan sasterawan ini kepada khalayak pembaca asing amat berkurangan. Ketidakteraturan novelnya dan "Persianisme" yang tidak tercela dalam kebanyakan karangannya juga menjadi dua masalah lain yang dihadapi oleh penterjemahnya. Karyanya diterjemahkan ke bahasa Jerman, Denmark, Urdu, Perancis, dan Rusia, sama ada terbit sebagai buku atau dalam pelbagai majalah dan periodikal (terbitan waktu tertentu atau kadangkala).

Ringkasnya, seperti yang dirumuskan oleh Dr. Kamshad, ketika menulis tesis Ph.D ketika menuntut di Universiti Cambridge, tiada siapa dapat menafikan bahawa Jamalzadeh memiliki satu kedudukan yang teristimewa dalam sastra Parsi semasa, sebagai seorang daripada pencipta bahasa persuratan Parsi, malah menjadi perintis memperkenalkan teknik penulisan cerpen Eropah kepada masyarakat watan.

Gambaran yang dilontarkan oleh Jamalzadeh, tentang kehidupan, mentaliti, dan bahasa orang awam dan golongan miskin dengan cara realistik tetapi bergaya satira, telah membuka jalan kepada perkembangan prosa moden Iran, malah turut mempengaruhi karya sasterawan lain seperti Sadeq Hedayat, Mohammad Mas'ud, Sadeq Chubak, dan Jalal Al-e Ahmad.

